

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
[ARAU]
TARIKH : 02 DISEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 30

Y.B. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM [ARAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan terdapat sebuah syarikat yang mendapat projek runding terus sebanyak RM450 juta di Kelantan. YAB Perdana Menteri menafikan terlibat dan Menteri Kewangan pulak tidak menandatangani surat tersebut. Adakah dengan penafian ini menunjukkan bahawa surat berkenaan dilakukan oleh Menteri yang lain. Siapakah Menterinya dan adakah Kerajaan akan membayar pampasan jika kontrak dibatalkan.

JAWAPAN**Tuan Yang di-Pertua,**

Projek pembinaan Bangunan Gunasama Persekutuan Kota Bharu, Tunjong, Kelantan telah dirancang untuk dilaksanakan sejak tahun 2016 lagi dan perlu dilaksanakan segera kerana bangunan sedia ada terlalu usang dan memerlukan pemindahan segera bagi menjamin keselesaan dan keselamatan pelanggan dan kakitangan. Ia telah diluluskan untuk dilaksanakan melalui kaedah perolehan tender terhadap Disember 2017 dengan kos keseluruhan projek sebanyak RM576,000,000.00 yang diluluskan oleh Kerajaan terdahulu.

Walau bagaimanapun, projek tersebut tidak dapat dilaksanakan berikutan keputusan Kerajaan melalui surat bertarikh 29 Jun 2018 yang telah mengarahkan agar semua perolehan secara tender terhadap dan rundingan terus yang belum dikeluarkan Surat Setuju Terima (SST), pelaksanaannya hendaklah dibatalkan. Penilaian semula ke atas keperluan pelaksanaan projek perlu dibuat oleh Kementerian / Agensi dan ditender semula secara tender terbuka atau tender terbuka pra-kelayakan.

Mengambil kira faktor kesegeraan demi kepentingan awam, Kerajaan pada 26 Julai 2019 telah memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan projek bagi memastikan perkhidmatan Kerajaan tidak terjejas serta mengambil kira pelbagai justifikasi termasuk pertimbangan khas oleh Kerajaan. Terkini, harga yang ditawarkan oleh syarikat pada hujung bulan Oktober 2019 adalah sebanyak RM400,000,000.00 selepas proses rundingan semula harga dan ia masih menunggu kelulusan Jemaah Menteri.

Memandangkan bahawa projek ini diteruskan selepas mendapat permintaan pelbagai pihak daripada negeri Kelantan termasuk pemimpin tertinggi negeri, maka proses rundingan dengan potongan harga besar telah dijalankan, yang tidak akan dinikmati sekiranya tidak berlakunya pertukaran Kerajaan.